

14 MAY 1999

Zaleha-Kebencian

BUDAYA KEBENCIAN BOLEH ANCAM PERPADUAN NASIONAL, KATA ZALEHA

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Perpaduan nasional boleh terancam jika ramai pendidik atau golongan yang bersikap suka menanam rasa benci di kalangan anak-anak terhadap pemimpin mereka, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail hari ini.

"Kita kluatir dalam negara seperti Malaysia, kalau ramai sangat pihak yang menanam nilai dan unsur negatif ini, bertambah sukar bagi kita untuk mempertahankan perpaduan dalam negara," katanya selepas berucap pada seminar sehari persediaan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini.

Golongan terbabit sebenarnya mengkhianati tanggungjawab yang diberikan kerajaan untuk mendidik anak-anak dengan nilai-nilai positif bagi melahirkan generasi yang berakhlak mulia, berhemah, jujur dan amanah, katanya.

"Kalau kita tanamkan perasaan seperti itu kepada anak-anak sekecil-kecil umur setahun, kemudiannya semua orang dia akan benci," katanya mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai ada golongan yang cuba menanam rasa benci terhadap pemimpin di peringkat tadika, sekolah rendah hingga ke universiti.

Perdana Menteri berkata kanak-kanak di tadika diberikan gambar pemimpin yang berjasa untuk dipijak-pijak dan anak-anak kecil yang tidak tahu apa-apa itu, akan melakukan apa saja yang disuruh.

Zaleha berkata pendidikan seharusnya mengutamakan penyaluran ilmu yang berguna dengan nilai-nilai hidup yang positif sebagai aset kepada anak-anak untuk kesejahteraan dan kebahagiaan masa depan mereka.

"Kalau anak-anak membesar dengan asas sebegitu barulah kita dapat melihat kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat, dalam negara dan dalam dunia," katanya.

Beliau berkata perpaduan nasional di negara ini perlu dipertahankan kerana Malaysia mempunyai masyarakat yang berlainan keturunan, agama dan budaya.

Secara perbandingan jika dilihat di dunia sekarang, ada negara yang mempunyai penduduk daripada satu bangsa sahaja tetapi kerana berlainan agama dan tiadanya perpaduan, mereka berperang dan berbunuhan sesama sendiri, katanya.

Ketika berucap pada seminar itu, Zaleha mengingatkan mahasiswa supaya menjadi rakyat yang patuh kepada undang-undang dan peraturan di negara ini.

Mereka perlu sentiasa berfikir secara positif apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan umpamanya jika ada seruan untuk berdemonstrasi, mereka harus kritikal dan berfikir sama ada tindakan itu wajar, apakah ia membawa kebaikan kepada negara atau hanya untuk satu kumpulan atau satu individu sahaja, katanya.

-- BERNAMA

AFY RON